EDARAN *MAKLUMAT UBAT*

Februari 2019, Volume 36 Issue 1

UNIT FARMASI KLINIKAL DAN MAKLUMAT DRUG,
JABATAN FARMASI, HOSPITAL USM

# FORTRANS

**(Macrogol 4000 64g, KCl 0.75g, saccharin Na 0.1g, Na bicarbonate 1.68g, NaCl 1.46g, anhydrous Na sulphate 5.7g)**




*Apa pesakit perlu tahu????*

## Indikasi

Untuk membersihkan usus sebagai persediaan sebelum prosedur kolonoskopi dan sebelum pembedahan.

## Peringatan

- **Pemakanan sebelum pukul 7 malam sehari sebelum prosedur:**

  Makan roti putih kosong, bubur kosong atau bubur ikan sahaja.

  Elakkan makan sayur, buah-buahan, daging merah, susu, bahan tenusu, roti “wholemeal’, bijirin dan oat.

- **Pemakanan selepas pukul 7 malam sehari sebelum prosedur:**

  Makan minuman kosong seperti air glukos, air barli, sup kosong jernih, teh tanpa susu atau kopi tanpa susu sahaja.

- Fortarns boleh disejukkan di dalam peti ais untuk rasa yang lebih baik

## Cara Makan Fortrans



### Sehari sebelum prosedur

PADA PUKUL 8 MALAM :

Larutkan 1 sachet Fortrans dalam 1 liter air masak, minum segelas demi segelas sehingga habis dalam masa 1 jam.

### Pada hari prosedur kolonoskapi



PADA PUKUL 7 PAGI:

Larutkan 1 sachet Fortrans dalam 1 liter air masak, minum segelas demi segelas sehingga habis dalam masa 1 jam.

PADA PUKUL 8 PAGI:

Larutkan 1 sachet Fortrans dalam 1 liter air masak, minum segelas demi segelas sehingga habis dalam masa 1 jam.

Kesan pembersihan usus akan bermula selepas 1 – 2jam pesakit minum fortrans

Sila minum banyak air selepas makan ubat ini bagi mengelakkan dehidrasi

Rujukan:
1) https://www.mims.com/malaysia/drug/info/fortrans
2) https://www.drugs.com/international/fortrans.html
3) http://dformulary.h.usm.my

Disediakan oleh: Pn. Kahirul Bariah, Pn. Nooraini Omar, Cik Nazirah Rajat